

KERTAS MODEL SPM


KERTAS 1

[40 markah]

1 jam


Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan. Jawab **semua** soalan.

1. Rajah berikut merujuk sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah tugas Laksamana?

- A Menjaga keselamatan perairan
 - B Menjamin keamanan di pelabuhan
 - C Mengutip cukai di wilayah taklukan
 - D Mengekalkan naungan tanah jajahan
2. Gambar berikut adalah Jean Jacques Rousseau seorang ahli falsafah yang mencetuskan Revolusi Perancis.



Apakah idea yang dikemukakan oleh beliau dalam revolusi tersebut?

- A Kerajaan perlu menjamin kebebasan rakyat
 - B Hak rakyat dalam membentuk kerajaan baharu
 - C Kerajaan diasaskan dengan persetujuan rakyat
 - D Suara rakyat menjamin kesejahteraan masyarakat
3. Maklumat berikut merujuk kepada media cetak pada abad ke-20.

Fajar Sarawak

Apakah peranan akhbar tersebut?

- A Menentang campur tangan British
- B Menjana pengamalan Islam sebenar
- C Mengetengahkan isu bahasa Melayu
- D Mengkritik dasar pemerintah Brooke

4. Maklumat berikut merujuk kepada pihak yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama.

Kuasa Tengah	Pakatan Bertiga
• Jerman • Austria-Hungary • Bulgaria • Empayar Uthmaniyah	• Britian • Perancis • Rusia • Amerika Syarikat

Apakah kesan Perjanjian Versailles terhadap Kuasa Tengah?

- A Pengukuhan kuasa komunis
 - B Perpecahan tanah jajahan
 - C Sekatan ekonomi di Eropah
 - D Mengehadkan saiz ketenteraan
5. Antara berikut, yang manakah sebab Jepun meluaskan kuasa ke Asia Pasifik?
- I Menyebarkan ideologi
 - II Keperluan perindustrian
 - III Pengaruh golongan tentera
 - IV Bersekongkol dengan Barat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
7. Maklumat berikut berkaitan dengan keadaan negara selepas Perang Dunia Kedua.

Pengunduran tentera Jepun selepas kalah dalam Perang Dunia Kedua telah menyebabkan kekosongan politik di Tanah Melayu.

Apakah kesan keadaan tersebut terhadap negara kita?

- A Keganasan komunis
- B Ancaman tentera British
- C Penubuhan Malayan Union
- D Muncul gerakan kemerdekaan

6. Bagaimanakah penduduk di Tanah Melayu melakukan penentangan terhadap Jepun?
- Menubuhkan pasukan PETA
 - Meminta bantuan Komanwel
 - Menubuhkan cawangan KMM
 - Bekerjasama dengan MPAJA

8. Maklumat berikut berkaitan dengan BMA.

Kegagalan pentadbiran tentera British dapat dilihat apabila mereka tidak dapat membawa masuk kelengkapan jentera dan teknologi bagi memulihkan sosioekonomi negara.

Apakah iktibar yang diperoleh daripada situasi tersebut?

- Berwaspada terhadap kuasa asing
 - Toleransi antara kaum teras kemerdekaan
 - Kemajuan negara tanggungjawab bersama
 - Bermusyawarah dalam membuat keputusan
9. Mengapakah rakyat Sarawak menubuhkan gerakan anti-penyerahan pada pertengahan tahun 1940-an?
- Menuntut hak berkerajaan sendiri
 - Mengembalikan pemerintahan beraja
 - Menentang penguasaan keluarga Brooke
 - Memperjuangkan hak masyarakat peribumi
10. Apakah matlamat penubuhan Jawatankuasa Kerja pada 25 Julai 1946?
- Meminda perjanjian persekutuan yang dimeterai
 - Membahaskan rang undang-undang persekutuan
 - Merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
 - Membincangkan asas perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
11. Apakah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap penduduk bukan Melayu di negara ini?
- Memperoleh kerakyatan negeri
 - Hak sama rata antara rakyat diberikan
 - Kedudukan Raja-raja Melayu dikembalikan
 - Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu
12. Maklumat berikut berkaitan dengan Partai Komunis Indonesia (PKI).

Partai Komunis Indonesia (PKI) telah berusaha untuk menyebarkan ideologi komunisme ke Tanah Melayu setelah gagal menguasai Pulau Jawa.

Mengapakah orang Melayu menolak ideologi tersebut?

- Menganggap akan dikuasai oleh Indonesia
- Menggunakan kekerasan dalam perjuangan
- Mengabaikan hak penduduk Tanah Melayu
- Mengelakkan pertumpahan darah untuk merdeka

13. Apakah faktor pengisytiharan Undang-undang Darurat oleh kerajaan British pada tahun 1948?
- Pencerobohan komunis di balai polis
 - Sabotaj landasan kereta api di Perak
 - Pembunuhan pengurus ladang Eropah
 - Serangan hendap terhadap Sir Henry Gurney

14. Apakah peranan Malayan Chinese Association (MCA) dalam meyakinkan masyarakat bahawa bukan semua kaum Cina adalah komunis?
- Menyertai pilihan raya
 - Memberi bantuan kewangan
 - Membuka tanah bagi Kampung Baru
 - Menganggotai pasukan keselamatan

15. Maklumat berikut merujuk kepada pertubuhan politik di Persekutuan Tanah Melayu.

- Kesatuan Melayu Muda
- Parti Kebangsaan Melayu Malaya

Apakah persamaan matlamat kedua-dua pertubuhan tersebut?

- Kemerdekaan bersama Indonesia
- Pembinaan negara berasaskan Islam
- Mencapai kebebasan melalui rundingan
- Penekanan idea keadilan sosial masyarakat

16. Maklumat berikut merujuk kepada perubahan matlamat pertubuhan politik di Persekutuan Tanah Melayu.

United Malays National Organisation (UMNO)	
1946	Menentang Malayan Union
1951	X

Apakah X?

- Memperjuangkan keadilan sosioekonomi
 - Menggunakan slogan merdeka dengan darah
 - Perjuangan hak yang sama untuk semua kaum
 - Bekerjasama dengan kaum lain untuk merdeka
17. Apakah kepentingan pelaksanaan Pilihan Raya Umum 1955 di negara kita?
- Langkah ke arah kemerdekaan
 - Hak pemerintahan di tangan rakyat
 - Pelaksanaan demokrasi berparlimen
 - Kebebasan dalam memerintah negara



18. Mengapakah Tunku Abdul Rahman menyusun perjalanan dengan menaiki kapal laut?
- Mengurangkan kos perjalanan
 - Menyusun strategi kemerdekaan
 - Merancang strategi perundingan
 - Melambatkan tempoh perjalanan

19. Tokoh berikut berjuang untuk kemerdekaan negara.

- Nelson Mandela
- Mahatma Gandhi

Apakah persamaan definisi kemerdekaan bagi mereka?

- Pembebasan dari minda penjajah
 - Mempertahankan maruah agama
 - Penghapusan ikatan perkauman
 - Bebas dari penindasan sosial
20. Apakah bukti yang menunjukkan negara kita bebas daripada penjajahan British?
- Pemilihan Jata Negara
 - Penciptaan Lagu Negaraku
 - Bendera *Union Jack* diturunkan
 - Rombongan Kemerdekaan ke London
21. Bagaimanakah kerajaan menjamin keberkesanan pentadbiran negara?
- Kekayaan negara diagih secara adil
 - Pengagihan kuasa pusat dan negeri
 - Mewujudkan dasar luar yang berkecuali
 - Menganggotai pertubuhan antarabangsa
22. Bagaimanakah kita hendak memupuk semangat perpaduan dalam pelbagai kaum?
- Menggunakan bahasa kebangsaan
 - Merangka dasar pendidikan bersepadu
 - Memastikan keberkesanan pentadbiran
 - Menggubal sistem perundangan yang adil
23. Apakah terma rujukan yang diguna pakai dalam Perjanjian Persekutuan 1957?
- Bidang tugas Ketua Menteri
 - Kuasa mutlak Raja-raja Melayu
 - Kedudukan istimewa orang Melayu
 - Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi
24. Senarai berikut merujuk kepada ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan.

- X
- Agama Islam
- Pemerintahan beraja

Apakah X?

- Bahasa Melayu
- Kedudukan orang Melayu

III Demokrasi Berparlimen

IV Kewarganegaraan

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

25. Bagaimanakah Kesultanan Johor memperkukuh kuasa pemerintah semasa era pemerintahan British di Tanah Melayu?

- Menolak lantikan Residen British
- Menandatangani perjanjian damai
- Menerima nasihat pegawai British
- Menggubal perlembagaan bertulis

26. Maklumat berikut berkaitan dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Kuasa Yang di-Pertuan Agong telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan meliputi kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman.

Baginda berkuasa melantik

- Peguam Negara
 - Menteri Besar
 - Ketua Menteri
 - Duta ke luar negara
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

27. Maklumat berikut berkaitan dengan konfederasi.

Pada tahun 1895, satu perjanjian ditandatangani antara Yamtuan Besar Seri Menanti dengan Undang Johol, Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Tunku Besar Tampin untuk menubuhkan konfederasi yang lebih besar dikenali sebagai Negeri Sembilan.

Apakah maksud konfederasi?

- Penstrukturan semula kerajaan
 - Pentadbiran berasaskan perlembagaan
 - Gabungan negeri yang berdaulat
 - Kuasa negeri dikekalkan
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

28. Senarai berikut merujuk kepada Majlis Negara.

- Majlis Tanah Negara
- Majlis Kewangan Negara
- Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan

Apakah peranan majlis tersebut?

- Memastikan kestabilan ekonomi
- Menyelaraskan pentadbiran kerajaan
- Merangka peruntukan belanjawan negara
- Mengeratkan hubungan antara kerajaan negeri

29. Maklumat berikut berkaitan dengan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK).

Bertujuan merangka perlembagaan yang melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah.

Apakah teras yang terkandung dalam perlembagaan tersebut?

- A Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa rasmi di Sarawak dan Sabah
 - B Perkhidmatan awam ditetapkan mengikut kuota kerajaan
 - C Kuasa imigresen diletakkan di bawah Kerajaan Negeri
 - D Agama Islam sebagai agama rasmi negeri
30. Apakah kesan Perjanjian Julai 1963 kepada Sarawak, Sabah dan Singapura?
- A Pembentukan negara baharu
 - B Pemberian hak bersuara
 - C Pengiktirafan kedaulatan
 - D Pemerintahan secara berasingan

31. Apakah punca krisis tersebut?

Krisis perlembagaan yang berlaku di Sarawak telah menyebabkan pengisytiharan darurat pada September 1966.

- A Tawi Sli mencabar tindakan Mahkamah Tinggi Sarawak
 - B Pemecatan jawatan Gabenor oleh Ketua Menteri Sarawak
 - C Ketidakpuasan hati terhadap kepimpinan Stephen Kalong Ningkan
 - D Undi tidak percaya terhadap Tawi Sli dalam Council Negri
32. Apakah faktor yang mencetuskan peristiwa 13 Mei 1969?
- A Ketidakseimbangan sosioekonomi
 - B Pelaksanaan perintah berkurung
 - C Provokasi daripada Parti Komunis
 - D Kebocoran maklumat pilihan raya
33. Maklumat berikut berkaitan dengan perpaduan dan integrasi nasional.

Perpaduan dan integrasi nasional adalah teras kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Apakah usaha yang dijalankan bagi mencapai integrasi nasional?

- A Menambah baik Laporan Rahman Talib
- B Menswastakan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu

- C Menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- D Memperkenalkan perkhidmatan Feri Malaysia

34. Tokoh berikut adalah cendekiawan negara.

- Azah Aziz
- Hamzah Dolmat

Apakah persamaan tokoh tersebut?

- A Sasterawan negara
 - B Penggiat budaya
 - C Ahli sejarawan
 - D Ahli falsafah
35. Maklumat berikut berkaitan dengan Majlis Perundingan Negara (MAPEN).

Majlis Perundingan Negara (MAPEN) telah ditubuhkan bagi membentuk sebuah dasar ekonomi yang mampan.

Apakah dasar tersebut?

- A Dasar Ekonomi Baru (DEB)
 - B Model Ekonomi Baru (MEB)
 - C Dasar Wawasan Negara (DWN)
 - D Dasar Pembangunan Nasional (DPN)
36. Apakah kesan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional terhadap masyarakat?
- A Penurunan taraf hidup
 - B Kewujudan status sosial
 - C Penghapusan golongan miskin tegar
 - D Meningkatkan pelibatan bumiputera dan bukan bumiputera
37. Senarai berikut merujuk negara yang menjalin hubungan dengan Malaysia.

- Mesir
- Yaman
- Arab Saudi

Apakah faktor yang mendorong hubungan diplomatik dengan negara tersebut?

- A Kepentingan ekonomi
 - B Keperluan nasional
 - C Persamaan budaya
 - D Ikatan keagamaan
38. Logo berikut merujuk kepada pertubuhan antarabangsa.



Apakah peranan Malaysia dalam pertubuhan tersebut?

- A Membantah pencerobohan negara
- B Memperjuangkan isu benua Antartika
- C Mengutarakan masalah pencemaran
- D Mengisytiharkan zon bebas nuklear

39. Apakah kepentingan pembangunan ekonomi segi tiga terhadap negara kita?

- A Mengenakan sekatan dagangan antarabangsa
- B Mengurangkan monopoli pasaran negara maju

- C Menghapuskan campur tangan ekonomi negara maju
- D Mengawal tarif dan cukai perdagangan antarabangsa

40. Apakah tindakan yang diambil ketika negara mengalami masalah jerebu?

- A Menyokong Deklarasi Langkawi
- B Menandatangani Perjanjian ASEAN
- C Menyuarakan bantahan secara terbuka
- D Menutup pintu sempadan negara

KERTAS 2

Bahagian A

[40 markah]

2 jam 30 minit

Jawab **semua** soalan.

1. Petikan berikut merujuk kepada Hukum Kanun Melaka.

"Bagi orang menduduki tanah orang lain, sekiranya ada buah-buahan, maka perlulah makan bersama dengan tuan tanah itu. Jika hasil tanaman dijual, maka satu pertiga hasil jualan perlu diserahkan kepada tuan tanah. Jika ada pokok yang ditebang dalam kawasan tanah itu, maka perlu dibayar ganti rugi 11/3 harga pokok tersebut..."

Sumber: Buku teks Sejarah Tingkatan 4: DBP, Kuala Lumpur

(a) Apakah yang anda faham berkaitan undang-undang tersebut?

[2 markah]


(b) Mengapakah penguatkuasaan undang-undang sangat penting dalam sesebuah kerajaan?

[4 markah]

(c) Penguatkuasaan undang-undang dapat mengawal tingkah laku masyarakat.
Beri ulasan anda.

[4 markah]

2. Rajah berikut berkaitan dengan peperangan yang membawa kesengsaraan kepada masyarakat.



(a) Nyatakan **dua** pakatan yang terlibat dalam perang tersebut di Eropah.

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

(b) Jelaskan peranan Jerman dalam menyemarakkan peristiwa peperangan tersebut.

[4 markah]

(c) Bagaimanakah Perang Dunia Kedua ini berakhir?

[4 markah]

3. Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan kuasa yang khusus antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

(a) Mengapakah pembahagian kuasa antara kedua-dua kerajaan tersebut dilakukan?

[2 markah]

(b) Kerajaan Tempatan diletakkan secara khusus di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Tempatan berperanan memberi keselesaan hidup kepada masyarakat setempat. Bagaimanakah peranan tersebut dilaksanakan?

[4 markah]

- (c) Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dapat melahirkan masyarakat yang sejahtera. Buktikan.

[4 markah]

4. Laporan pendidikan dihasilkan sebagai langkah penambahbaikan dasar pendidikan di negara kita.

- (a) Nyatakan **dua** laporan pendidikan.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (b) Dasar Pendidikan Kebangsaan yang dibentuk oleh kerajaan berhasrat untuk memupuk perpaduan kaum. Bagaimanakah hasrat tersebut dapat dicapai?

[4 markah]

- (c) "Pendidikan yang cemerlang melahirkan generasi yang gemilang."
Bincangkan pernyataan tersebut.


[4 markah]

Bahagian B


[60 markah]

Jawab **tiga** soalan.

5. Gambar berikut adalah ahli falsafah yang terlibat dalam perkembangan idea nasionalisme di Barat.



John Locke



Jean Jacques Rousseau

- (a) Jelaskan idea tokoh berikut:

(i) John Locke

[4 markah]

(ii) Jean Jacques Rousseau

[4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan revolusi di Barat.

Revolusi	Negara
Revolusi Keagungan 1688	England
Revolusi Amerika 1776	Amerika Syarikat

Bandingkan kedua-dua revolusi tersebut.

[4 markah]

- (c) Penjajahan kuasa Barat di Asia Tenggara telah membawa kepada gerakan nasionalisme yang radikal. Buktikan.

[8 markah]

6. Peta berikut merujuk kepada kemaraan tentera Jepun di Tanah Melayu dan Singapura.



- (a) Apakah rasional strategi kemaraan tersebut? [4 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Semua lapisan masyarakat menentang pendudukan Jepun dengan pelbagai cara.

- Jelaskan penentangan tersebut. [8 markah]
- (c) Semangat antipenjajah perlu diterapkan dalam kalangan generasi muda masa kini.
Jelaskan pernyataan tersebut. [8 markah]
- 7.** Ketegangan antara kaum setelah Perang Dunia Kedua menyebabkan usaha-usaha ke arah perpaduan kaum dilaksanakan, termasuklah penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC).
- (a) Jelaskan isu yang dibincangkan dalam Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah jawatankuasa CLC berperanan menyelesaikan isu di 7(a)? [8 markah]
- (c) Tolak ansur antara kaum menjamin kejayaan rundingan melalui Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum.
Beri hujah anda. [8 markah]
- 8.** Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan bagi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.
- (a) Bagaimanakah usaha tersebut dilaksanakan? [6 markah]
- (b) Sejauh manakah DEB berjaya meningkatkan taraf hidup masyarakat? [6 markah]
- (c) Pendidikan berasaskan kemahiran dapat mengurangkan kebergantungan kepada negara luar dalam memacu ekonomi.
Beri pendapat anda. [8 markah]
- 9.** Dasar luar negara amat penting kerana dasar ini mempengaruhi tindakan negara dalam hubungan antarabangsa.
- (a) Jelaskan faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar negara. [6 markah]
- (b)

Peristiwa Lahad Datu meninggalkan sejarah hitam buat Malaysia apabila ramai perwira negara gugur mempertahankan kedaulatan negara daripada dicerobohi pengganas Sulu pada tahun 2013. Tragedi pencerobohan itu dikaitkan dengan insiden diplomatik yang berlaku antara Malaysia dan Filipina sejurus selepas 235 pengganas Filipina yang sebahagiannya bersenjata mendarat di Kampung Tanduo di Lahad Datu, Sabah pada 11 Februari 2013.

Sumber: <https://www.sinarharian.com>, 22 September 2020
- Bagaimanakah kerajaan negara kita menangani isu tersebut? [6 markah]
- (c) Dasar berkecuali dan berbaik-baik dengan semua negara telah mewujudkan keamanan dan kemakmuran dalam negara kita.
Bincangkan pernyataan tersebut. [8 markah]